

Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat di USIM

Zainora Binti Daud
Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, USIM
zainora@usim.edu.my

Muhammad Lukman Ibrahim
Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, USIM
luqman@usim.edu.my

Abstrak

Pengajaran Qiraat telah bermula sejak Rasulullah SAW bertalaqqi dengan malaikat Jibril AS sehingga berterusan diaplikasikan di kalangan para sahabat dan berkembang sehingga ke generasi umat Islam hari ini. Ketekunan para sahabat mempelajari Qiraat terbukti dengan kelahiran pakar-pakar Qiraat seperti Saidina Uthman bin Affan, Saidina Ali bin Abi Talib, Abd ar-Rahman al-Sulami dan lain-lain sehingga melahirkan generasi al-Quran yang cemerlang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti latarbelakang responden dan mengkaji persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Qiraat. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kaedah kuantitatif dengan menggunakan metode soal selidik. Soal selidik dalam bentuk skala likert -5 telah digunakan untuk mendapatkan maklumat responden berkaitan persepsi pengajaran dan pembelajaran Qiraat. Sebanyak 146 responden telah menjawab soal selidik yang diedarkan kalangan responden tahun dua yang terlibat dengan program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Kepujian, USIM mengikut persampelan *Proportionate Stratified Random Sampling*. Dapatkan hasil kajian menunjukkan persepsi para pelajar terhadap pengajaran Qiraat berada tahap baik dengan minat serta kesedaran yang tinggi bahawa pengajaran Qiraat juga memainkan peranan penting dalam pendidikan Islam. Namun masih perlu penambahbaikan dari aspek bahan-bahan bantu mengajar yang lebih menarik dan efektif selari dengan perkembangan multimedia terkini agar mampu memartabatkan pendidikan Qiraat di peringkat lebih tinggi..

Article Progress
Received: 31 October 2019
Revised: 21 November 2019
Accepted: 30 November 2019

Kata kunci: Persepsi, Pelajar, Pengajaran dan Pembelajaran, Qiraat, USIM

Abstract

The study of Qiraat has begun since the Messenger of Allah (may peace be upon him) started *talaqqi* with the Gabriel and applied among the companions until the present generation of Muslims. The perseverance of the companions in the study of Qiraat is evidenced by the appearance of Qiraat experts like Saidina Uthman bin Affan, Saidina Ali bin Abi Talib, Abd ar-Rahman al-Sulami and others. The objective of this study was to identify the background of the respondents and to study the students' perceptions of teaching and learning Qiraat. The design of the study used was quantitative method using questionnaire method. The questionnaire is based on likert scale -5 was used to obtain respondents' information regarding the perception of teaching and learning Qiraat. A total of 146 respondents answered the questionnaire distributed among two-year respondents involved in the Bachelor of Arabic Language and Communication program with Honour, USIM based on Proportionate Stratified Random Sampling. The findings of the study show that students' perception of Qiraat education is in good condition with high interest and awareness that Qiraat education also plays an important role in Islamic education. However, there are still a need for improvement in the aspects of teaching aids that are more interesting and effective in keeping with the latest multimedia developments in order to capitalize on Qiraat education at higher levels.

Keyword: Perception, Student, Teaching and Learning, Qiraat, USIM.

1. PENGENALAN

Ilmu Qiraat al-Qur'an merupakan '*ulum aqdam*' di dalam perkembangan Islam dan ia adalah semulia-mulia ilmu daripada ulum al-din yang pertama dipelajari oleh para sahabat dari aspek talaqqi serta mushafahah dan hifz. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang paling banyak diamalkan dalam pengajian Qiraat sejak zaman Rasulullah sehingga sekarang secara talaqqi dan mushafahah.

Abd al-Fattah al-Qadi (1955) pula menerangkan bahawa Qiraat sebagai suatu ilmu yang membahaskan tentang cara menyebut kalimah-kalimah al-Qur'an dan jalan menunaikannya dari segi persamaan dan perselisihan serta menyandarkan setiap bentuk bacaan kepada perawinya. Para ulama bersepakat menjelaskan bahawa hukum mengajar dan mempelajari ilmu qirāat adalah fardhu kifayah (Abd al-Fattah al-Qadi, 1955).

Persepsi ialah persepsi atau gambaran atau bayangan dlm hati atau fikiran tentang sesuatu, pandangan atau tanggapan (<http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=persepsi>). Sehubungan itu, artikel ini hanya memfokuskan latarbelakang responden dan mengkaji persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Qiraat.

1.1 Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM

Fakulti Pengajian Bahasa Utama telah ditubuhkan pada tahun 2004 dengan pengambilan pertama Sarjana Muda Bahasa dan Komunikasi Bahasa Arab pada sesi akademik 2005/2006. Fakulti ini ditubuhkan untuk melahirkan graduan berpengetahuan, mahir, dan profesional dalam bidang pengajian bahasa. Di samping itu, pembelajaran bahasa yang terbuka untuk dikaji oleh penyelidik dan pendidik serta menyebarkan pengetahuan yang relevan, dengan itu membolehkan USIM menghasilkan sumber manusia yang global, yakin dan berdaya saing. Menguasai pelbagai bahasa membolehkan pelajar mempelajari budaya dan tamadun, dan mewujudkan negara yang bertolak ansur, dinamik, berwawasan, meletakkan harapan dan aspirasi tinggi mengikut kerajaan dalam menjadikan Malaysia maju dan berdaya saing (<http://fpbu.usim.edu.my/ms/pengenalan>).

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM menawarkan program pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda sehingga ke peringkat Doktor Falsafah antaranya:

- 1 Doktor Falsafah (Pengajian Bahasa Arab)
- 2 Doktor Falsafah (Pendidikan)
- 3 Doktor Falsafah (Pengajian Bahasa Inggeris)
- 4 Sarjana Bahasa Arab Komunikasi Arab
- 5 Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Kepujian
- 6 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian

Di dalam melahirkan prospek kerjaya yang lebih luas seperti Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT), Guru Bahasa, Wartawan, Eksekutif Pemasaran, Akademik (Guru, Tutor, Pensyarah), Pentadbiran Guru (KPLI, JQAF), Tenaga Pengajar , maka program ini menawarkan subjek Pengantar Qiraat dan Hafazan dalam program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Kepujian (<http://fpbu.usim.edu.my/>).

Subjek Pengantar Qiraat dan Hafazan menjelaskan para pelajar berkaitan latar belakang ilmu Qiraat dan kaedah membaca al-Quran menurut imam-imam Qiraat yang mutawatir di samping menghafaz surah pilihan iaitu surah al-Sajadah. Antara topik yang akan dibincangkan dalam kursus ini merangkumi isu-isu seperti pengertian al-Quran dan Qiraat, jenis-jenis Qiraat, perkembangan ilmu Qiraat, latar belakang imam-imam Qiraat beserta perawi mereka, usul bacaan menerusi surah al-Sajadah dengan pelbagai jenis Qiraat dan menilai syubhat falsafah barat berkaitan percanggahan

Qiraat di dalam al-Quran serta kritikan terhadap syubhat mereka. Kursus ini dilaksanakan dua kali seminggu melalui bentuk kuliah (1 jam) dan tutorial (1jam) selama 14 minggu. Ini bermakna para pelajar akan terlibat dengan proses pengajaran dan pembelajaran Qiraat selama 28 jam dalam kurikulum pengajian. Hasil pembelajaran kursus ini mampu melahirkan pelajar memahami metode-metode bacaan al-Quran bagi setiap imam qira'at serta mampu mengenalpasti perbezaan bacaan al-Quran antara satu imam dengan imam-imam yang lain (Dokumen Fail Subjek Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dalam USIM edocs.usim.edu.my).

2. PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Dapatan kajian berkaitan persepsi pelajar terhadap hasil pembelajaran yang ditawarkan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM berdasarkan perincian aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran dalam subjek-subjek Qiraat berada di tahap yang baik tetapi masih memerlukan usaha penampaikan secara berterusan supaya dapat dipertingkatkan lagi ke tahap yang lebih tinggi. Ini kerana hanya terdapat satu item sahaja iaitu berada di tahap tinggi berbanding dengan item-item lain meningkatkan takjub keagungan al-Quran dan memelihara *habl min Allah* dan *habl min al-Nas* sebagai hasil pengajaran dan pembelajaran Qiraat (Zainora, 2018).

Bahkan terdapat kajian lain menunjukkan persepsi dan sikap yang positif terhadap pembelajaran kurikulum Qiraat dari aspek minat ilmu Qiraat, suka mempelajari kandungan kurikulum Qiraat Ilmi dan Qiraat Amali, tahu kepentingan kurikulum Qiraat dalam bidang Tahfiz serta tidak malu membaca Qiraat Sab'ah. Oleh itu, para pensyarah perlu melibatkan pelajar secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan mengamalkan kaedah berpusatkan pelajar (Zainora, 2015).

Walaupun dapatan penilaian perlaksanaan kurikulum Qiraat menunjukkan bahawa kaedah Qiraat ilmi, kaedah Qiraat amali dan aktiviti-aktiviti pengajarannya berada di tahap tinggi, tetapi penggunaan ABM yang berbentuk ICT dan elektronik berada di tahap sederhana rendah. Hanya elemen penggunaan buku teks atau buku rujukan serta papan tulis berada di tahap tinggi. Begitu juga dengan dapatan penilaian tahap pencapaian Qiraat berada di tahap sederhana rendah (Zainora, 2015). Hasil Seminar Kebangsaan Pendidikan dan Penyelidikan Qiraat yang diadakan pada 25-26 Disember 2010 di KUIS merumuskan bahawa persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan dan pemahaman huffaz terhadap ilmu Qiraat berada di tahap yang sederhana walaupun proses pembelajaran dan pengajaran berada di tahap yang tinggi.

Ini juga disokong dengan hasil daripada analisis data yang dibuat oleh Sabri Mohamad (2010) kepada para pelajar UKM yang mengambil subjek Pengantar Qiraat dan Hafazan menunjukkan ketidakseimbangan hasil dapatan antara tahap keberkesanan p&p berada pada tahap yang sederhana sedangkan pendekatan p&p, sukatan matapelajaran dan penilaian pengajaran berada pada tahap tinggi.

3. OBJEKTIF

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti latarbelakang responden kajian.
2. Mengkaji persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Qiraat.

4. METODOLOGI

Metodologi kajian ialah berbentuk kajian kuantitatif dengan rekabentuk kajian tinjauan. Kajian tinjauan merupakan satu metode untuk mengumpul maklumat dengan bertanya satu set soalan kepada satu sampel yang dipilih dari satu populasi yang hendak dikaji (Sabitah Marican. 2005). Soal selidik merupakan instrumen utama dalam kajian ini. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (2006),

soal selidik mudah ditadbir setelah ia dibina dengan baik dan data yang diperolehi mudah untuk diproses.

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tahun dua Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM kerana mereka terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran subjek Qiraat yang ditawarkan di fakulti. Jumlah keseluruhan pelajar seramai 241 orang. Sebanyak 146 set soal selidik diedarkan mengikut perkiraan oleh Krejcie dan Morgan (1970) dalam Educational and Psychological Measurement.

Set soal selidik diedarkan secara rawak bersrata dan seimbang. Persampelan ini termasuk di dalam kategori persampelan kebarangkalian. Ia merujuk kepada prosedur persampelan sama ada secara rawak mudah atau persampelan sistematik di mana sekumpulan subjek akan dipilih secara seimbang sebagai responden kajian (Uma Sekaran. 2003). Instrumen soal selidik merupakan kaedah yang berkesan dengan persampelan yang sesuai dan tepat dapat mewakili populasi yang sebenar (Mok Soon Sang. 2009). Artikel ini hanya dikhurasukan terhadap persepsi para pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Qiraat sahaja.

Set soal selidik mengandungi dua bahagian utama iaitu Bahagian A merangkumi soalan berkaitan data demografi responden iaitu jantina, umur, jenis sekolah sebelum memasuki USIM dan pernah mempelajari Qiraat sebelum memasuki USIM dan Bahagian B berkaitan persepsi pengajaran Qiraat sahaja. Skala Likert adalah skala pengukuran jenis ordinal dan mempunyai susunan tertentu seperti sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju (Sidek Mohd Noah: 2002).

5. HASIL DAPATAN

Hasil dapatan kajian merangkumi dua bahagian iaitu latarbelakang pelajar dan persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Qiraat di kalangan para pelajar di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM.

5.1 Maklumat Latar belakang Pelajar

Jadual 1: Demografi Pelajar

Item		Kekerapan	Peratus %
Jantina	Lelaki	48	32.9
	Perempuan	98	67.1
Umur	19-21	128	87.7
	22-24	18	12.4
	25-27	-	-
Jenis Sekolah sebelum Memasuki USIM	SMK	2	1.4
	SMA	55	37.7
	SMKA	24	16.4
	Lain-lain	65	44.5
Pernah Belajar Qiraat Sebelum Memasuki USIM	Ya	51	34.9
	Tidak	95	65.1
Jumlah		146	100

Sumber Soal Selidik

Jadual 1 di atas menunjukkan demografi pelajar yang terdiri daripada gender, umur, jenis sekolah dan pernah belajar Qiraat sebelum memasuki USIM. Dari aspek gender, mencatatkan bahawa jumlah pelajar perempuan 98 orang (67.1%) melebihi daripada pelajar lelaki 48 orang (32.9%). Manakala aspek umur pula, majoriti responden berumur antara 19-21 tahun seramai 128 orang (87.7%) dan seramai 18 orang (12.4%) iaitu antara 22 hingga 24 tahun. Dari aspek pernah belajar Qiraat sebelum memasuki USIM, seramai 95 orang (65.1%) tidak pernah berbanding dengan responden yang pernah mempelajari Qiraat di waktu persekolahan iaitu 51 orang (34.9%).

5.2 Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat

Jadual 2 di bawah menunjukkan tahap persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Qiraat item mendapati bahawa item tertinggi iaitu mempelajari Qiraat adalah penting dalam pengajian Islam sebanyak 129 orang bersetuju berbanding dengan 17 orang tidak bersetuju, Item keperluan bagi Muslim untuk mengetahui dan mempelajari Qiraat sebanyak 119 orang bersetuju berbanding dengan 24 orang tidak bersetuju, item suka mempelajari Qiraat 118 orang berbanding 25 orang yang tidak bersetuju, item perlu ditawarkan sebagai subjek-subjek lain berkaitan Qiraat sebagai subjek wajib fakulti sebanyak 96 orang berbanding 50 orang. Item kaedah PdP Qiraat sangat berkesan dan menarik 71 orang bersetuju berbanding dengan 75 orang tidak bersetuju, item silibus kandungan subjek Qiraat adalah sukar untuk dipelajari 65 bersetuju berbanding dengan 81 orang tidak bersetuju. Manakala item yang paling rendah ialah bahan-bahan rujukan pengajian Qiraat adalah mencukupi 64 orang bersetuju berbanding dengan 82 orang tidak bersetuju.

Jadual 2: Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat

Persepsi Terhadap PdP Qiraat	STS	TS	KS	S	SS
Suka Mempelajari Qiraat	1 0.7%	4 2.7%	20 13.7%	54 37.0%	67 45.9%
Keperluan bagi Muslim untuk mengetahui dan mempelajari Qiraat	1 0.7%	2 1.4%	24 16.4%	50 34.2%	69 47.3%
Mempelajari Qiraat adalah penting dalam pengajian Islam	1 0.7%	3 2.1%	17 11.6%	69 47.3%	56 38.4%
Perlu ditawarkan sebagai subjek-subjek lain berkaitan Qiraat sebagai subjek wajib fakulti	1 0.7%	9 6.2%	40 27.4%	60 41.1%	36 24.7%
Silabus kandungan subjek Qiraat adalah sukar untuk dipelajari	7 4.8%	25 17.1%	49 33.6%	48 32.9%	17 11.6%
Bahan-bahan Rujukan Pengajian Qiraat adalah mencukupi	1 0.7%	18 12.3%	63 43.2%	50 34.2%	14 9.6%
Kaedah PdP Qiraat sangat berkesan dan menarik	4 2.7%	9 6.2%	62 42.5%	47 32.2%	24 16.4%

Sumber Soal Selidik

6. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Objektif kajian pertama dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti latarbelakang responden. Secara keseluruhannya mengenai maklumat demografi pelajar menunjukkan bahawa taburan pelajar perempuan lebih ramai 67% daripada pelajar lelaki 32.9%. Hasil dapatan ini juga selari dengan taburan pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki di dalam program Sarjana Muda Pengajian al-Quran dan Sunnah iaitu 68.7% melebihi pengkhususan program Sarjana Muda al-Quran dengan Multimedia, FPQS USIM (Zainora Daud, 2018).

Dari aspek taburan umur menunjukkan bahawa majoriti responden berumur antara 19-21 tahun sebanyak 87.7% dan 12.4% antara 22 hingga 24 tahun. Ini membuktikan para pelajar memasuki USIM menerusi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan iaitu lepasan STAM, STPM dan Diploma. Dari aspek pernah belajar Qiraat sebelum memasuki USIM, sebanyak (65.1%) tidak pernah berbanding dengan responden yang pernah mempelajari Qiraat di waktu persekolahan (34.9%).

Manakala objektif kedua adalah untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Qiraat menunjukkan bahawa persepsi yang tinggi pada item mempelajari Qiraat adalah penting dalam pengajian Islam (85.7%). Bahkan item keperluan bagi Muslim untuk mengetahui dan mempelajari Qiraat (82.9%) diikuti item suka mempelajari Qiraat persepsi pelajar terhadap pembelajaran Qiraat (81.5%). Ketiga-tiga item tersebut jelas menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang tinggi dan positif dalam aspek kepentingan, keperluan Qiraat serta mempunyai kendiri yang sangat positif terhadap pengajaran dan pembelajaran Qiraat. Ini juga selaras dengan hasil dapatan (Zainora, 2015) persepsi pelajar terhadap pembelajaran Qiraat menunjukkan bahawa persepsi dan sikap yang positif pelajar-pelajar terhadap pembelajaran kurikulum Qiraat.

Namun item perlu ditawarkan subjek-subjek lain berkaitan Qiraat sebagai subjek wajib fakulti (65.8%) di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM berada di tahap sederhana. Ini jelas menunjukkan masih terdapat di kalangan mereka yang berminat dengan pengajian Qiraat. Bahkan terdapat dua item berada di tahap kurang memuaskan iaitu kaedah pengajaran dan pembelajaran Qiraat sangat berkesan dan menarik 48.6%. Menurut Irfan Aiman sesuatu strategi pengajaran menggabungkan pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran untuk mencapai kesan pengajaran yang optimum sekali. Strategi yang baik akan menggunakan masa, tenaga serta kos yang paling sedikit tetapi menghasilkan kesan pengajaran pembelajaran yang paling maksimum (<https://www.academia.edu>).

Manakala item bahan-bahan rujukan pengajian Qiraat adalah mencukupi, hanya seramai 43.8% yang bersetuju. Kekurangan bahan-bahan rujukan menjadi salah satu punca para pelajar tidak mampu menguasai Qiraat (Ab Rahman Abd Gahni, 2012). Kedua-dua item ini perlu dipertingkatkan serta ditambahbaik supaya mampu membantu para pelajar dalam mencari sumber - sumber rujukan Qiraat dengan mudah dan meningkatkan kemahiran para pelajar dalam bidang Qiraat. Menurut Ea Meng (1992) bahawa pemilihan strategi pengajaran yang sesuai adalah penting jika pengajar ingin membantu pelajarnya mencapai objektif–objektif pengajarannya.

7. KESIMPULAN

Para responden mempunyai persepsi yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran Qiraat dari aspek tahap kekendirian pelajar merangkumi kepentingan, keperluan dan minat mempelajari Qiraat. Namun penambahbaikan perlu dipertingkatkan dari aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran Qiraat dan sumber-sumber rujukan Qiraat.

RUJUKAN

Al-Quran

‘Abd al-Fattāḥ al-Qādī, (1415H/1955M).*al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qirā’at al’Ashr al-Mutawātirah min ṭariqay al-Shāṭibīyyah wa al-Durrāh* (Qāherah:Maktabah ‘Īsā al-Bāb al-Ḥalabī).

Abd Rahman Abd Ghani et al. (2012). Kurikulum Pengajian dan Permasalahan Qiraat di KUIS: Kajian di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat”.*Jurnal Pengajian Islam*, Unit Pembangunan dan Penyelidikan, Akademi Islam KUIS.

Dokumen Fail Subjek Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM dalam [http://raudahusim.sharepoint.com/sites/USIM-eDocs/Shared Documents](http://raudahusim.sharepoint.com/sites/USIM-eDocs/Shared%20Documents).

Ee Ah Meng. (1992). *Pedagogi : Satu Pengenalan*. Fajar Bakti : Petaling Jaya.

Irfan Aiman. Kaedah dan Teknik Pengajaran dicapai dalam talian (https://www.academia.edu/5255308/KAEDAH_DAN_TEKNIK_PENGAJARAN).

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka dicapai dalam (<http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=persepsi>).

Laporan Seminar Keb.Penyelidikan dan Pendidikan Qiraat, Jabatan Tahfiz al-Qur'an dan al-Qiraat, KUIS, Bangi, Selangor. 24-25 Disember 2010, 3.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (2006). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Mok Soon Sang. (2009). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.185-186.

Pengenalan FPBU, USIM dalam <http://fpbu.usim.edu.my/ms/pengenalan>.

Robert V.Krejcie dan Darylen W.Morgan. (1970). “*Determining Sample Size for Research Activities dalam Educational and Psychological Measurement*”, Vol. 30. Duluth: University of Minnersona. 607-610.

Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd.149.

Sabri Mohamad et al., “Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran *Qirā’at* Pengantar Qiraat dan Hafazan di UKM” (prosiding, Seminar Keb.Penyelidikan dan Pendidikan Qiraat, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS, Bangi, Selangor. 24-25 Disember 2010), 1.

Uma Sekaran. (2003). *Research Methods For Business A Skill-Building Approach* ed.ke-4, Inc: US Amerika: John Wiley&Sons, 272-273.

Zainora Daud et al. (2015). Pembelajaran Kurikulum Qiraat: Satu Kajian terhadap Persepsi Pelajar Syukbah Qiraat di DQ dan MTQN dalam JSAS, vol 2, bil.1, no. 1-8.

Zainora Daud. (2015). Penilaian Perlaksanaan Kurikulum Qiraat Di Darul Quran Dan Ma’ahad Tahfiz Al-Qur'an Di Malaysia, Tesis PhD, APIUM.

Zainora Daud. (2018). Pengajian Qiraat Di Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Usim: Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Qiraat, *Journal of Fatwa Management and Research Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, INFAD, USIM.